



**LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)**

## **DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA (SEBUT HARGA 'B')**

**TAJUK : SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN  
PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN  
ANTIVIRUS SELAMA SATU (1) TAHUN DI  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU  
MALAYSIA (MTIB)**

**NO. SEBUT HARGA : MTIB/SH(B)/007/2022**

**TARIKH IKLAN : 18 JULAI 2022 (ISNIN)**

**TARIKH/  
MASA DITUTUP : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)  
JAM 12.00 TENGAH HARI**

**KATEGORI : BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

**KOD BIDANG MOF : 210107**

| <b>KANDUNGAN</b>   | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA                                      | 4                 |
| <br>   |                   |
| <b><u>SEKSYEN A – ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA</u></b>             |                   |
| 1. PERIHAL SEBUT HARGA   | 5                 |
| 2. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA                            | 5                 |
| 3. KANDUNGAN SEBUT HARGA   | 5                 |
| 4. PENYERAHAN SEBUT HARGA  | 5 - 6             |
| 5. FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA                              | 7                 |
| 6. PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA                         | 8                 |
| <br>   |                   |
| <b><u>SEKSYEN B – SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA</u></b>             |                   |
| 1. KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA                                 | 9                 |
| 2. HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU                                       | 9                 |
| 3. PEMERIKSAAN   | 9                 |
| 4. PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI                  | 10                |
| 5. DENDA   | 10                |
| 6. SETUJU TERIMA SEBUT HARGA                                       | 10                |
| 7. TEMPOH PERKHIDMATAN   | 11                |
| 8. PENGIKLANAN   | 11                |
| 9. TAFSIRAN  | 11                |
| 10. INSURANS   | 11                |
| 11. CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)                     | 11                |
| 12. BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA     | 11 - 12           |
| 13. BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA                                | 12                |
| 14. HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA       | 12                |
| 15. SURAT SETUJU TERIMA (LOA)                                      | 12 - 13           |
| 16. KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN                  | 13                |
| 17. DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN                                     | 13                |
| 18. BON PELAKSANAAN  | 13 - 14           |
| 19. PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN | 14                |

| <b>KANDUNGAN</b>   | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| 20. PENAMATAN PERKHIDMATAN                                     | 14                |
| 21. PEMBATALAN SEBUT HARGA                                     | 14                |
| 22. KOS SEBUT HARGA  | 14                |
| 23. PELAKSANAAN <i>INTEGRITI PACT</i> DALAM PEROLEHAN KERAJAAN | 14 - 15           |
| 24. AKTA RAHSIA RASMI  | 15                |
| 25. PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH                       | 15 - 16           |
| 26. TARIKH TUTUP   | 16                |

**LAMPIRAN-LAMPIRAN**

|  |         |
|--|---------|
| <b>LAMPIRAN A</b> : SKOP PERKHIDMATAN PENYEBUT HARGA   | 18 – 20 |
| <b>LAMPIRAN 1</b> : SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN  | 21 – 23 |
| <b>LAMPIRAN Q</b> : ARAHAN PERBENDAHARAAN 170  | 24 – 25 |
| <b>LAMPIRAN 2</b> : SALINAN SIJIL-SIJIL DAN BORANG-BORANG<br>PENDAFTARAN BERKAITAN   | 26      |
| <b>LAMPIRAN 3</b> : JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI   | 27 – 28 |
| <b>LAMPIRAN 4</b> : JADUAL HARGA TAWARAN   | 30      |
| <b>LAMPIRAN 5</b> : KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA   | 31 – 37 |
| <b>LAMPIRAN 6</b> : SALINAN PENYATA BULANAN AKAUN BANK<br>BAGI TIGA (3) BULAN TERKINI  | 38      |
| <b>LAMPIRAN 7</b> : SURAT AKUAN SEBUT HARGA  | 39 – 40 |
| <b>LAMPIRAN 8</b> : RINGKASAN EKSEKUTIF DAN PROFIL SYARIKAT  | 41      |
| <b>LAMPIRAN 9</b> : SURAT PENGESAHAN BANK/ INSTITUSI<br>KEWANGAN MENGENAI KEMUDAHAN KREDIT<br>DARIPADA BANK/ INSTITUSI KEWANGAN YANG<br>DIBERI | 42      |
| <b>LAMPIRAN 10</b> : SURAT AKUAN PEMBIDA   | 43      |
| <b>LAMPIRAN 11</b> : SURAT PERWAKILAN KUASA  | 44      |
| <b>LAMPIRAN 12</b> : SENARAI AHLI PASUKAN PERKHIDMATAN   | 45      |



LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA  
(KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI)

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ANTIVIRUS  
SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/007/2022)

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan yang berpengalaman dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia (MoF)** yang masih sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga di bawah kod bidang seperti berikut:

| Bil. | Kod Bidang | Jenis Bekalan/ Perkhidmatan   |
|------|------------|---|
| 1.   | 210107     | Peralatan dan Kelengkapan Komputer, Perkakasan dan Komponen – <i>ICT Security and Firewall, Encryption, PKI, Anti Virus</i> |

1. Dokumen sebut harga boleh dimuat turun bermula pada **18 Julai 2022 (Isnin)** hingga **21 Julai 2022 (Khamis)** menerusi Portal Rasmi MTIB di [www.mtib.gov.my](http://www.mtib.gov.my). Tarikh tutup sebut harga adalah pada **21 Julai 2022 (Khamis)**.
2. Dokumen tawaran sebut harga yang telah siap diisi **HENDAKLAH** dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga yang ditetapkan di **Unit Pengurusan Perolehan, Bahagian Khidmat Pengurusan, Tingkat 16, Menara PGRM, No. 8, Jalan Pudu Ulu, 56100 Cheras, Kuala Lumpur** tidak lewat dari **jam 12.00 tengah hari** pada **21 Julai 2022 (Khamis)**. Sebut harga yang **lewat TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN.**
3. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) tidak bertanggungjawab ke atas kelewatan dokumen sebut harga yang diposkan dan tidak terikat untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran yang dikemukakan. Sebut harga yang dikemukakan menjadi hak milik MTIB sepenuhnya dan tidak akan dikembalikan.
4. Keputusan tawaran sebut harga dan syarikat yang berjaya akan disiarkan di dalam Portal Rasmi MTIB. Penyebut harga boleh menyemak status tawaran dalam tempoh di antara **satu (1) bulan hingga dua (2) bulan selepas tarikh tutup sebut harga**. Bagi penyebut harga yang namanya tidak disiarkan di Portal Rasmi MTIB adalah dianggap tidak berjaya dalam sebut harga ini.

**SEKSYEN A**  
**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA**

**1.0 PERIHAL SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga dipelawa kepada penyebut harga-penyebut harga yang berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MoF) bagi **SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ANTIVIRUS SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)**.
- 1.2 Penyebut harga yang dipelawa adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang terkandung di dalam dokumen ini. Arahan-arahan, Syarat-syarat Am dan Syarat-syarat Khas yang dinyatakan hendaklah disifatkan sebagai syarat kontrak. **Sebut harga yang tidak mengikut Arahan-arahan dan Syarat-syarat yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.**

**2.0 CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA**

- 2.1 Penyebut harga hendaklah membaca Arahan-arahan dan Syarat-syarat dalam dokumen sebut harga serta menyemak kandungan dokumen sebut harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang dan lampiran-lampiran sebut harga.
- 2.2 Borang-borang sebut harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan dan lampiran-lampiran yang disediakan. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicap dengan cap rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.

**3.0 KANDUNGAN SEBUT HARGA**

- 3.1 Sebut harga **hendaklah** dikemukakan dengan menggunakan **lampiran atau dokumen** yang telah ditetapkan mengikut senarai semak seperti di **Lampiran 1**.
- 3.2 Sebut harga dikemukakan tidak mengikut lampiran atau dokumen yang telah ditetapkan seperti di **Perenggan 3.1 tidak akan diterima**. Walau bagaimanapun, penyebut harga-penyebut harga boleh mengemukakan dokumen tambahan mengikut format dinyatakan untuk memberi penerangan-penerangan.
- 3.3 Penyebut harga perlu mengepilkkan dokumen-dokumen di **perenggan 3.1** berserta dengan dokumen-dokumen lain yang berkaitan seperti yang dinyatakan di setiap **lampiran dalam sebut harga ini**.

**4.0 PENYERAHAN SEBUT HARGA**

- 4.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengemukakan dokumen tawaran sebut harga dalam **SATU (1) sampul surat berlakri (*sealed*)** yang mengandungi **DUA (2) set dokumen *hardcopy*** seperti yang ditetapkan di **Senarai Semak Dokumen Tawaran (Lampiran 1)**.

4.2 **Sampul surat** seperti di **Para 4.1, HENDAKLAH** mengandungi **DUA (2) set dokumen hardcopy** iaitu:

4.2.1 **SATU (1) set Dokumen Asal** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“ASAL”**.

4.2.2 **SATU (1) set Dokumen Salinan** dan **MESTILAH** ditandakan sebagai **“SALINAN”**. Sekiranya terdapat sebarang perbezaan atau keraguan pada mana-mana dokumen salinan, salinan asal yang dikemukakan akan diguna pakai sebagai dokumen yang sah.

**PERINGATAN: DOKUMEN SALINAN PERLU MEMPUNYAI KESEMUA DOKUMEN YANG SAMA DENGAN DOKUMEN ASAL.**

4.3 **Sampul surat** di **Para 4.1 HENDAKLAH** dilabel seperti berikut:

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN  
ANTIVIRUS SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU  
MALAYSIA (MTIB)  
(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/007/2022)**

**TARIKH TUTUP:  
21 JULAI 2022 (KHAMIS), JAM 12.00 TENGAH HARI.**

4.4 **Sampul Surat** yang mengandungi **Tawaran Sebut harga** yang lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga** yang disediakan sebelum tarikh tutup sebut harga di alamat berikut:

**Ketua Pengarah  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
Tingkat 16, Menara PGRM  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras  
56100 KUALA LUMPUR  
(u.p.: Unit Pengurusan Perolehan)**

4.5 **Dokumen sebut harga** hendaklah dihantar secara serahan tangan atau pos ke alamat yang telah ditetapkan **pada atau sebelum tarikh dan waktu yang ditetapkan dalam Kenyataan Sebut Harga**. Jika dokumen sebut harga tidak dihantar sendiri, penyebut harga hendaklah mengatur dan memastikan supaya dokumen sebut harga dan lain-lain dokumen yang berkaitan dihantar secara pos sampai pada waktu dan tempat yang ditetapkan. Sebarang alasan berkaitan kelewatan penghantaran dokumen sebut harga yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan tidak akan dilayan.

4.6 **MTIB** tidak akan bertanggungjawab secara langsung atau tidak langsung, jika berlaku kelewatan, kehilangan atau lain-lain sebut harga dihantar. **Sebut harga yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.**

## 5.0 FORMAT DOKUMEN TAWARAN SEBUT HARGA

5.1 Penyebut harga **DIKEHENDAKI** mengisi dengan lengkap dan mengemukakan maklumat-maklumat seperti yang dinyatakan di bawah sebagai sebahagian tawaran sebut harga iaitu:

| Bil. | Rujukan            | Dokumen  |
|------|--------------------|--|
| 1.   | <b>Lampiran 1</b>  | Senarai Semak Dokumen Tawaran.   |
| 2.   | <b>Lampiran Q</b>  | Arahan Perbendaharaan 170.   |
| 3.   | <b>Lampiran 2</b>  | <p>Salinan Sijil-sijil dan Borang-borang Pendaftaran Yang Berkaitan iaitu:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>(i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan iaitu dalam kod bidang <b>210107 yang masih laku sekurang-kurangnya tiga (3) bulan bermula tarikh tutup sebut harga;</b></li> <li>(ii) Salinan Sijil “<b>Taraf Bumiputera</b>” dari Kementerian Kewangan, jika ada;</li> <li>(iii) Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)</b>, atau <b>Borang D</b> atau <b>Borang E</b> atau Salinan Sijil Pendaftaran dari <b>Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM)</b> atau <b>Lesen Perniagaan yang berkaitan</b> berserta maklumat pemilikan dan perniagaan syarikat.<br/>Bagi syarikat <b>Berhad</b> dan <b>Sendirian Berhad</b>, Penyebut harga dikehendaki memajukan <b>Borang 8 (Berhad)</b> atau <b>Borang 9 (Sendirian Berhad)</b>, <b>Borang 24 dan Borang 49</b> atau <b>Carian SSM e-info;</b></li> <li>(iv) Salinan <b>Borang 13 SSM</b> atau <b>Carian SSM e-info</b> sekiranya syarikat bertukar nama; dan</li> <li>(v) Salinan Sijil Pendaftaran <b>Cukai Jualan &amp; Cukai Perkhidmatan (CJCP)</b> dari <b>Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM)</b> jika ada.</li> </ul> |
| 4.   | <b>Lampiran 3</b>  | Jadual Pematuhan Spesifikasi.  |
| 5.   | <b>Lampiran 4</b>  | Jadual Harga Tawaran   |
| 6.   | <b>Lampiran 5</b>  | Keterangan Mengenai Penyebut Harga.  |
|      | <b>Lampiran 6</b>  | Penyata Bank bagi <b>tiga (3) bulan TERKINI</b> serta hendaklah <b><u>DIAKUI SAH OLEH PIHAK BANK.</u></b>  |
| 7.   | <b>Lampiran 7</b>  | Surat Akuan Sebut Harga.   |
| 8.   | <b>Lampiran 8</b>  | Ringkasan Eksekutif dan Profil Syarikat.   |
| 9.   | <b>Lampiran 9</b>  | Surat Pengesahan Bank/ Institusi Kewangan Mengenai Kemudahan Kredit daripada Bank/ Institusi Kewangan yang Diberi.   |
| 10.  | <b>Lampiran 10</b> | Surat Akuan Pembida.   |
| 11.  | <b>Lampiran 11</b> | Surat Perwakilan Kuasa.  |
| 12.  | <b>Lampiran 12</b> | Senarai Ahli Pasukan Perkhidmatan  |

## 6.0 PENJELASAN MENGENAI DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Sebarang pertanyaan berkenaan sebut harga ini boleh dibuat secara bertulis, e-mel atau faksimile dan dihantar sebelum tarikh tutup sebut harga ke alamat berikut:

**Unit Pengurusan Perolehan  
Bahagian Khidmat Pengurusan  
LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
Tingkat 16, Menara PGRM  
No. 8, Jalan Pudu Ulu, Cheras  
56100 KUALA LUMPUR**

**No. Tel. : 03-9282 2235 sambungan 1317  
No. Faks. : 03-9286 1553  
E-mel : [husaini.ghani@mtib.gov.my](mailto:husaini.ghani@mtib.gov.my)**

- 6.2 Sekiranya penyebut harga memerlukan penjelasan lanjut berkaitan **skop kerja dan spesifikasi sebut harga** penyebut harga boleh berhubung terus dengan pegawai berkenaan melalui:

**No. Tel. : 03-9282 2235 sambungan 1344  
No. Faks. : 03-9286 1553  
E-mel : [mohd.azhar@mtib.gov.my](mailto:mohd.azhar@mtib.gov.my)  
Pegawai : Encik Mohd Azhar bin Mustaffa**



**SEKSYEN B**  
**SYARAT-SYARAT AM SEBUT HARGA**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah diguna pakai. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat-syarat am ini membolehkan sebut harga yang dikemukakan oleh penyebut harga ditolak.

**1.0 KELAYAKAN MENYERTAI SEBUT HARGA**

- 1.1 Sebut harga adalah dipelawa kepada semua Penyebut harga tempatan yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan (MoF)** di bawah kod **210107** serta pendaftaran tersebut perlu sah sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup sebut harga.
- 1.2 Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan Malaysia (MoF) yang menyatakan bahawa permohonan lanjutan/ pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat.
- 1.3 MTIB berhak melantik dan membatalkan kontrak syarikat sekiranya perkhidmatan pembekal tidak mematuhi syarat yang ditetapkan/ tawaran yang dipersetujui.

**2.0 HARGA DAN TEMPOH SAH LAKU**

- 2.1 Harga yang ditawarkan hendaklah dalam **RINGGIT MALAYSIA (RM)**. Jadual harga yang dikemukakan mestilah dinyatakan dalam angka yang tepat bagi unit harga dan jumlah harga serta merupakan harga bersih (termasuk semua diskaun dan kos tambahan) bagi setiap item dan berdasarkan kepada format yang disediakan dalam dokumen ini.
- 2.2 Harga yang disebutkan dalam sebut harga sah laku dalam tempoh **tidak kurang dari 90 hari** dari tarikh tutup sebut harga.

**3.0 PEMERIKSAAN**

- 3.1 MTIB sentiasa berhak melantik seseorang pegawai yang memeriksa dan menguji bekalan itu semasa tempoh pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan bekalan tersebut.
- 3.2 Perakuan penerimaan hanya akan dibuat setelah perkhidmatan pembekalan tersebut telah siap dan diperiksa oleh pegawai MTIB yang dilantik atau diberi kuasa.
- 3.3 Pegawai MTIB yang dilantik tersebut berhak membuat penolakan ke atas bekalan/ perkhidmatan yang tidak menepati keperluan seperti mana spesifikasi bekalan/ perkhidmatan dalam dokumen sebut harga. Penyebut harga juga hendaklah menyempurnakan bekalan/ perkhidmatan yang ditolak tersebut. Kos perbelanjaan yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh Penyebut harga.

#### 4.0 PERAKUAN MENYATAKAN SPESIFIKASI TELAH DIPATUHI

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa bekalan/ perkhidmatan yang ditawarkan adalah mengikut spesifikasi atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan sebut harga ini.

#### 5.0 DENDA

5.1 Setelah pesanan/ arahan dikeluarkan oleh MTIB, Penyebut harga dikehendaki melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh yang ditetapkan dan kualiti perkhidmatan tersebut hendaklah memuaskan hati serta memenuhi kehendak MTIB. Sekiranya Penyebut harga gagal melaksanakan perkhidmatan dalam tempoh dan/atau kualiti yang ditetapkan, MTIB berhak membatalkan pesanan/arahan yang dikeluarkan dan/atau mengenakan **denda** seperti ketetapan berikut:

5.1.1 **Pembekal melaksanakan pembekalan dan perkhidmatan yang tidak menepati objektif dan tempoh masa** akan dikenakan **potongan bil menurut kadar 10%** daripada jumlah harga bekalan dan perkhidmatan yang diberikan.

5.1.2 **Pembekal yang menghantar bekalan tiruan** hendaklah **menanggung atau menggantikan segala kerugian** akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

5.1.3 **Pembekal gagal menghantar bekalan dan perkhidmatan** berdasarkan jadual yang ditetapkan atau mengikut arahan atau permintaan MTIB akan dikenakan **denda** mengikut formula berikut:

$$\frac{V(T + D) \times 5\%}{T}$$

V: Nilai harga bekalan/ perkhidmatan yang lewat diberikan;

T: Tempoh bekalan/ perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari; dan

D: Bilangan hari yang lewat.

5.2 Bagi kerja-kerja yang terpaksa ditangguhkan kerana sebab-sebab di luar kawalan Penyebut harga seperti rusuhan, kekacauan awam, mogok, kebakaran, banjir, bahaya laut atau seumpama, MTIB boleh membenarkan perlanjutan tempoh kerja-kerja tersebut dengan syarat Penyebut harga perlu mengemukakan notis sebab-sebab kerja tertangguh dan masa yang diperlukan.

#### 6.0 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

MTIB tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan MTIB tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut harga berhubung sebab-sebab Penyebut harga tidak berjaya.

## **7.0 TEMPOH PEMBEKALAN/ PERKHIDMATAN**

Tempoh **maksimum** pembekalan/ perkhidmatan adalah selama **Dua (2) Minggu.**

## **8.0 PENGIKLANAN**

Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebut harga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah, atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan MTIB terlebih dahulu.

## **9.0 TAFSIRAN**

Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh Undang-undang Malaysia, dan Penyebut harga bersetuju tertakluk hanya kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebut harga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.

## **10.0 INSURANS**

Tiada apa-apa insurans atas barang dalam perjalanan dari negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebut harga.

## **11.0 CUKAI JUALAN DAN CUKAI PERKHIDMATAN (CJCP)**

11.1 Harga tawaran oleh **Penyebut harga hendaklah dikemukakan dengan dinyatakan harga tawaran dan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (CJCP) secara berasingan.**

11.2 Sekiranya perkhidmatan yang ditawarkan oleh Penyebut harga termasuk dalam senarai yang dikenakan Cukai Jualan dan/atau Cukai Perkhidmatan serta Penyebut harga yang berjaya adalah berdaftar CJCP dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), maka Penyebut harga akan ditawarkan dengan nilai tawaran termasuk kenaaan CJCP.

## **12.0 BARANG-BARANG EX-STOK ATAU BARANG-BARANG KELUARAN MALAYSIA**

### **12.1 Cukai**

Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.

### **12.2 Pembungkusan**

(i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan; dan

- (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.

### 12.3 Pengenalan

Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang itu, jika berkenaan hendaklah ditunjukkan.

## 13.0 BARANG DIPESAN DARI LUAR NEGARA

### 13.1 Cukai

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai dan unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

### 13.2 Mata Wang

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam **Ringgit Malaysia (RM)**.

### 13.3 Pembungkusan

- (i) Barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan bekalan itu dieksport dengan tidak membungkus;
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkus dan belanja pembungkusan; dan
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkus atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh Penyebut harga.

## 14.0 HAK MTIB UNTUK MENERIMA ATAU MENOLAK TAWARAN SEBUT HARGA

14.1 MTIB tidak terikat untuk menerima tawaran sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga yang diterima.

14.2 MTIB juga berhak untuk menerima sebahagian atau keseluruhan cadangan dalam tawaran sebut harga.

14.3 Keputusan MTIB adalah **muktamad** dan MTIB tidak akan teragak-agak untuk memberi apa-apa alasan bagi penolakan mana-mana sebut harga.

## 15.0 SURAT SETUJU TERIMA (LOA)

15.1 MTIB akan memberi notis bertulis kepada penyebut harga yang berjaya melalui Surat Setuju Terima (LOA).

- 15.2 Dengan perakuan ke atas Surat Setuju Terima (LOA) tersebut, satu kontrak yang mengikat terbentuk antara MTIB dan Penyebut harga yang berjaya tanpa mengambil kira sama ada dokumen kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

## 16.0 KONTRAK/ SUB-KONTRAK DAN MENYERAH HAK BEKALAN

- 16.1 Semua syarat yang terkandung di dalam dokumen sebut harga ini adalah sebahagian daripada kontrak yang akan ditandatangani di antara MTIB dan Penyebut harga yang berjaya. Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani kontrak dengan MTIB dan membayar segala ganti rugi jika tidak memenuhi syarat-syarat kontrak.
- 16.2 Surat Setuju Terima (LOA) yang dihantar oleh MTIB kepada Penyebut harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut harga ke atas Surat Setuju Terima itu dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara MTIB dan Penyebut harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.
- 16.3 Penyebut harga yang berjaya dan telah mengikat kontrak dengan MTIB dikehendaki membayar tuntutan ganti rugi sekiranya didapati Penyebut harga tersebut melanggar syarat-syarat kontrak dan disabitkan kesalahan.
- 16.4 Penyebut harga tidak dibenarkan mengesub-sewakan perkhidmatan kepada Penyebut harga lain. Penyebut harga tidak boleh menyerahkan hak apa-apa faedah di bawah kontrak ini tanpa dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada MTIB.

## 17.0 DOKUMEN KONTRAK PERJANJIAN

- 17.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki untuk menandatangani satu Dokumen Kontrak Perjanjian sekiranya diminta oleh MTIB setelah Surat Setuju Terima (LOA) ditandatangani dengan sepenuhnya.
- 17.2 Dokumen Kontrak Perjanjian hendaklah disediakan dalam **tiga (3) salinan asal** dan ditandatangani di ruangan yang telah ditetapkan serta segala kos berkaitan penyediaan Dokumen Kontrak Perjanjian seperti pengeseteman dan lain-lain, hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh penyebut harga.

## 18.0 BON PELAKSANAAN

- 18.1 Penyebut harga yang berjaya dikehendaki mengemukakan Bon Pelaksanaan dengan kadar peratus yang ditetapkan mengikut Perjanjian Setuju Terima seperti di bawah:
- Nilai lebih dari **RM200,000.00** sehingga **RM500,000.00**, kadar peratusan Bon Pelaksanaan adalah sebanyak **2.5%** ke atas jumlah harga tawaran. Manakala, bagi nilai **lebih RM500,000.00**, Bon Pelaksanaan sebanyak **5%** dikenakan ke atas jumlah harga tawaran.
- 18.2 Bon Pelaksanaan hendaklah dikemukakan berdasarkan contoh format akan ditetapkan oleh MTIB.

- 18.3 Bon pelaksanaan akan dipulangkan kepada Penyebut harga selepas **dua belas (12) bulan** selepas tarikh tamat tempoh kontrak dengan syarat MTIB berpuas hati bahawa syarat-syarat dan obligasi kontrak telah dipenuhi sehingga pembekalan yang terakhir dan semua peralatan berkaitan berkeadaan baik serta memuaskan.

## **19.0 PEMATUHAN KEPADA ARAHAN KESELAMATAN DAN UNDANG-UNDANG KERAJAAN**

Penyebut harga hendaklah mematuhi segala syarat-syarat berkaitan keselamatan di tapak kerja semasa menjalankan perkhidmatan serta mematuhi segala akta, peraturan dan undang-undang Kerajaan Malaysia yang berkaitan dan berkuat kuasa semasa pelaksanaan perkhidmatan/ pembekalan.

## **20.0 PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut harga yang berjaya dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya MTIB boleh terus menamatkan perkhidmatan sekiranya Penyebut harga gagal memenuhi terma/ syarat yang telah ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (LOA).

## **21.0 PEMBATALAN SEBUT HARGA**

21.1 Pihak MTIB berhak membatalkan proses sebut harga ini sekiranya diperlukan tanpa memberi sebarang apa-apa alasan. Sebarang kos terpaksa ditanggung oleh pihak Penyebut harga kerana urusan sebut harga ini adalah menjadi tanggungjawab Penyebut harga sendiri.

21.2 Sekiranya MTIB bercadang untuk membuat pindaan ke atas dokumen tawaran sebut harga ini, maka MTIB boleh berbuat demikian dengan mengeluarkan Notis Sebut Harga kepada semua Penyebut harga sebelum tarikh tutup sebut harga.

## **22.0 KOS SEBUT HARGA**

22.1 Penyebut harga mestilah menanggung sendiri semua kos berkaitan dengan penyediaan dan penghantaran sebut harga. MTIB tidak akan bertanggungjawab ke atas kos-kos tersebut.

22.2 MTIB tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut harga sekiranya sebut harga ini dibatalkan.

## **23.0 PELAKSANAAN INTEGRITI PACT DALAM PEROLEHAN KERAJAAN**

Bagi mengukuhkan usaha ke arah meningkatkan integriti dan ketulusan dalam perolehan Kerajaan, penyebut harga dikehendaki untuk menandatangani *Integrity Pact* berdasarkan Garis Panduan seperti berikut:

### **23.1 Semasa Penghantaran Dokumen Tawaran Oleh Penyebut Harga:**

Kesemua penyebut harga yang menghantar dokumen sebut harga hendaklah menandatangani Surat Akuan Pembida bahawa penyebut harga tidak akan

menawarkan atau memberi rasuah sebagai sogokan untuk mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

#### **23.2 Semasa Menandatangani Surat Setuju Terima Oleh Penyebut harga Berjaya:**

Penyebut harga yang berjaya dikehendaki menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya bahawa penyebut harga yang berjaya tidak akan memberi rasuah sebagai ganjaran kerana mendapatkan kontrak. Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida Berjaya hendaklah juga melampirkan Surat Perwakilan Kuasa menandatangani bagi pihak syarikat.

#### **24.0 AKTA RAHSIA RASMI**

Penyebut harga yang berjaya adalah terikat dengan Akta Rahsia Rasmi Kerajaan Malaysia bagi setiap maklumat yang diperolehi dari MTIB sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa.

#### **25.0 PERINGATAN MENGENAI KESALAHAN RASUAH**

Penyebut harga adalah diingatkan mengenai kesalahan rasuah kepada syarikat/ kontraktor/ firma perunding/ penjawat awam atau mana-mana pihak yang berkaitan seperti berikut:

- 25.1 Sebarang perubahan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any act or attempt to corruptly offer or give, solicit or receive any gratification to and from any person in connection with this procurement is a criminal offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 25.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau balai polis yang berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*If any person offers or gives any gratification to any members of the public service, the latter shall at the earliest opportunity thereafter lodge a report at the nearest office of the Malaysian Anti-Corruption Commission or police station. Failure to do so is an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 25.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau pembekal boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Without prejudice to any other actions, disciplinary action against a member of the public service and blacklisting of the contractor or supplier may be taken if the parties are involved with any act of corruption under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

- 25.4 Mana-mana kontraktor atau pembekal yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694].

*Any contractor or supplier who makes a claim for payment in relation to this procurement although no work was carried out or no goods were supplied or no services rendered in accordance with the specifications and any member of the public service who certifies the claim commits an offence under the Malaysian Anti-Corruption Commission Act 2009 [Act 694].*

## **26.0 TARIKH TUTUP**

- 26.1 Tarikh tutup sebut harga adalah pada **21 Julai 2022 (Khamis), jam 12.00 tengah hari**. Sebut harga hendaklah dikemukakan kepada MTIB pada atau sebelum waktu dan tarikh tersebut. **Sebut harga yang lewat tidak akan dipertimbangkan.**
- 26.2 Semua maklumat hendaklah sebaik-baiknya ditaip/ ditulis dengan jelas. **SILA AMBIL PERHATIAN BAHAWA BORANG SEBUT HARGA DAN LAMPIRAN YANG BERKAITAN YANG TIDAK DIISI DENGAN LENGKAP, TIDAK DISERTAKAN SALINAN SIJIL/ DOKUMEN WAJIB ATAU TIDAK DITANDATANGANI AKAN DITOLAK.**



# LAMPIRAN-LAMPIRAN

**SKOP PERKHIDMATAN PENYEBUT HARGA****SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ANTIVIRUS  
SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/007/2022)**

Penyebut harga dikehendaki mematuhi kesemua arahan dan skop kerja yang telah ditetapkan seperti di bawah:

**1.0 LATAR BELAKANG:****1.1 Objektif Projek:**

- 1.1.1 Mengesan, mengkuarantin dan/ atau memadam kod hasad daripada kerosakkan pada peranti komputer, pelayan dan telefon pintar;
- 1.1.2 Mengemas kini secara automatik untuk memberikan perlindungan terhadap virus terkini dan jenis perisian yang lain;
- 1.1.3 Menganalisis fail yang mencurigakan dari ancaman terhadap peranti komputer, pelayan dan telefon pintar.

**1.2 Latar Belakang Persekitaran MTIB**

Perisian antivirus (AV) adalah diperlukan untuk peralatan ICT di MTIB. Sebagai praktis semasa bagi mengurangkan risiko / pencegahan virus komputer, perisian ini adalah berlesen (mengikut bilangan lesen) yang perlu diperbaharui secara tahunan. Pada masa ini, MTIB menggunakan perisian AV BitDefender GravityZone Business Security yang akan tamat tempoh pada 21 Julai 2022.

MTIB telah dibekalkan 555 unit lesen perisian AV BitDefender GravityZone Business Security (BS) yang telah dipasangkan pada komputer pengguna dan server di Ibu Pejabat MTIB dan Pejabat Wilayah/ Negeri dan Stesen Pemeriksaan MTIB.

Perkhidmatan Pembaharuan Lesen Perisian AV tersebut secara Pengkomputeran Awam (*Cloud Computing*) yang dihubungkan kepada setiap relay server ditempatkan di setiap bahagian MTIB, Pejabat Wilayah MTIB dan Stesen Pemeriksaan MTIB.

**1.3 Isu/ Masalah**

Perkhidmatan lesen perisian antivirus BitDefender GravityZone Business Security (BS) akan tamat pada 21 Julai 2022. Sebarang gangguan atau serangan virus yang berlaku ke atas peralatan ICT tersebut, pihak MTIB tidak mempunyai sebarang bantuan khidmat sokongan. Sehubungan itu, pembaharuan lesen diperlukan bagi membolehkan pengemaskinian pangkalan data virus terkini, perjalanan fungsi pencegahan virus sedia ada dan juga khidmat sokongan teknikal seterusnya memberi perlindungan peralatan *endpoint* ICT daripada ancaman siber.

## 2.0 SKOP PERKHIDMATAN

Penyebut harga dikehendaki untuk melaksanakan **PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ANTIVIRUS SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)** seperti berikut:

- (i) Perkhidmatan pembaharuan lesen perisian Antivirus BitDefender GravityZone Business Security (BS) di MTIB melibatkan pembaharuan lesen AV, penyelenggaraan pencegahan, khidmat sokongan teknikal merangkumi keseluruhan skop bagi tempoh satu (1) tahun di MTIB seperti di Jadual Pematuhan Spesifikasi (**Lampiran 3**);
- (ii) Tempoh jaminan selama satu (1) tahun bagi PEMBAHARUAN lesen perisian antivirus;
- (iii) Skop kerja utama adalah melibatkan perkara seperti berikut:

| Bil | Perkara   | Unit |
|-----|---|------|
| 1.  | Pembaharuan Lesen Perisian Antivirus BitDefender GravityZone Business Security (BS)<br>a) Pembaharuan lesen AV dalam tempoh satu (1) tahun<br>b) Penyelenggaraan pencegahan dua (2) kali setahun<br>c) Khidmat sokongan teknikal termasuk Latihan | 555  |

- (iv) Penyebut harga yang berjaya **WAJIB** memberi Khidmat Sokongan Teknikal Peringkat Pertama (*First Level Support*) secara percuma tanpa sebarang caj ke atas perkhidmatan yang dibekalkan sepanjang tempoh perkhidmatan satu (1) tahun. MTIB boleh mendapatkan khidmat nasihat daripada penyebut harga. Khidmat Sokongan Teknikal Peringkat Pertama (First Level Support) seperti berikut:
  - a) Menyediakan meja bantuan (*Helpdesk Call Center*) atau pegawai teknikal sepanjang perkhidmatan iaitu 8 jam sehari, 7 hari seminggu selama satu (1) tahun perkhidmatan (Onsite, Email, Remote Support dan Telefon) dan;
  - b) Masa maklum balas adalah dalam tempoh dua (2) jam dari masa aduan diterima.
- (v) Bantuan teknikal dan pembaikan daripada pengeluar produk mengikut keperluan.
- (vi) **Penyebut harga hendaklah melaksanakan instalasi ke atas komputer pengguna termasuk komputer server serta mengemaskini senarai pengguna pada 'Management Console' seperti keperluan MTIB.**

### 3.0 PEMATUHAN KEPADA SPESIFIKASI TEKNIKAL

Penyebut harga dikehendaki mematuhi spesifikasi teknikal yang telah ditetapkan seperti di **Jadual Pematuhan Spesifikasi (Lampiran 3)**.

### 4.0 LOKASI PEMBEKALAN

Lokasi pembekalan adalah di Ibu Pejabat MTIB, Pejabat Wilayah / Negeri, Stesen Pemeriksaan dan Galeri Produk MTIB.

### 4.0 TEMPOH MAKSIMUM PEMBEKALAN

Tempoh maksimum pembekalan adalah selama **DUA (2) MINGGU**.

### 5.0 KENAAN DENDA

Sekiranya penyebut harga yang erjaya gagal melaksanakan dan menyempurnakan pembekalan/ perkhidmatan mengikut kualiti dan tempoh masa yang ditetapkan, maka MTIB berhak mengenakan **denda** ke atas penyebut harga erjaya seperti ketetapan berikut:

#### 5.1 Melaksanakan Pembekalan Dan Perkhidmatan Yang Tidak Menepati Objektif Dan Tempoh Masa:

Pembekal/ Kontraktor dikenakan **potongan bil/ invois menurut kadar 10%** daripada jumlah harga bekalan dan perkhidmatan yang diberikan.

#### 5.2 Menghantar Bekalan Tiruan:

Pembekal/ Kontraktor hendaklah **menanggung atau menggantikan segala kerugian** akibat daripada bekalan dan perkhidmatan tersebut.

#### 5.3 Pembekal/ Kontraktor Gagal Menghantar Bekalan Dan/ Atau Melaksanakan Perkhidmatan Berdasarkan Jadual Yang Ditetapkan Atau Mengikut Arahan Atau Permintaan MTIB:

$$\frac{V (T + D) \times 5\%}{T}$$

V: Nilai harga bekalan/ perkhidmatan yang lewat diberikan;  
T: Tempoh bekalan/ perkhidmatan mengikut kontrak dalam hari; dan  
D: Bilangan hari yang lewat.

**SENARAI SEMAK DOKUMEN TAWARAN**

**SEBUT HARGA BAGI PERKHIDMATAN PEMBAHARUAN LESEN PERISIAN ANTIVIRUS  
SELAMA SATU (1) TAHUN DI LEMBAGA PERINDUSTRIAN KAYU MALAYSIA (MTIB)  
(NO. SEBUT HARGA: MTIB/SH(B)/007/2022)**

**NO. SEBUT HARGA : MTIB/SH(B)/007/2022**  
**TARIKH IKLAN : 18 JULAI 2022 (ISNIN)**  
**TARIKH TUTUP : 21 JULAI 2022 (KHAMIS)**

Sila Tandakan  Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan.

| BIL. | PERKARA/ DOKUMEN  | PEMATUHAN DOKUMEN                       | Lampiran | Untuk Ditanda Oleh: |                   |
|------|---|---|----------|---------------------|-------------------|
|      |   |   |          | Penyebut Harga      | J/Kuasa Penilaian |
| 1.   | Senarai Semak Dokumen Tawaran.  | Dokumen wajib disertakan                | 1        |                     |                   |
| 2.   | Arahan Perbendaharaan 170.<br>(Lampiran Q)  | Dokumen wajib disertakan                | Q        |                     |                   |
| 3.   | (i) Salinan Sijil Pendaftaran dari Kementerian Kewangan yang masih sah dan <b>sekurang-kurangnya tiga (3) bulan dari tarikh tutup sebut harga</b> di bawah kod bidang <b>210107</b> .   | Dokumen wajib disertakan                | 2        |                     |                   |
|      | (ii) Salinan Sijil "Taraf Bumiputera" dari Kementerian Kewangan.  | Jika ada                                |          |                     |                   |
